




KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

*Performance of Wholesale &
Retail Trade*

MEI | 2026
MAY



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

PERANGKAAN PERKHIDMATAN SERVICES STATISTICS

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE

MEI
MAY 2026

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwitahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users’ analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya,

MALAYSIA

Tel.	:	03-8885 7000
Faks	:	03-8888 9248
Portal	:	https://www.dosm.gov.my
Facebook / X / Instagram / Youtube	:	StatsMalaysia
E-mel / <i>E-mail</i>	:	info@dosm.gov.my (pertanyaan umum / <i>general enquiries</i>)
		data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data / <i>data request & enquiries</i>)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Julai 2026 / *Published in July 2026*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2682 - 8472

KATA PENGANTAR

Penerbitan ini memaparkan **Prestasi Perdagangan Borong & Runcit bagi bulan rujukan Mei 2026** meliputi subsektor Kenderaan Bermotor, Perdagangan Borong dan Perdagangan Runcit. Ianya diterbitkan secara bulanan dan menggunakan klasifikasi industri yang terperinci berdasarkan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008, Ver.1.0 yang selari dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities Revision 4*, yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division*. Bagi indeks volum, ia telah disusun buat kali pertama dengan menggunakan tahun 2008 sebagai tahun asas (2008=100). Bermula suku tahun pertama 2014, ianya telah diasaskan semula kepada tahun 2010 dan seterusnya, pada suku tahun kedua 2019, ia telah menggunakan tahun asas 2015.

Penerbitan ini mengandungi ringkasan penemuan, jadual terperinci, nota teknikal dan glosari yang menerangkan istilah dan takrifnya bagi meningkatkan kefahaman berkenaan data.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh semua pihak dalam membekalkan data yang diperlukan dan menyumbang kepada kejayaan penerbitan ini. Sebarang maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amat dihargai.

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Julai 2026

PREFACE

*This publication highlights the **Performance of Wholesale & Retail Trade for reference May 2026** encompassing the Motor Vehicles, Wholesale Trade and Retail Trade sub-sectors. It is published on a monthly basis and uses the detailed classification of industries in the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008, Ver. 1.0 which is in line with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities Revision 4, published by the United Nations Statistics Division. For volume index, it was compiled for the first time using 2008 as the base year (2008=100). Starting in first quarter 2014, it has been rebased to 2010 and subsequently, in second quarter 2019, 2015 as the base year has been implemented.*

This publication consists summary of the main findings, detailed tables, technical notes and glossary which describes the terms used and their definition to enhance the understanding of data.

The Department gratefully acknowledges the cooperation of all parties who have provided the required data and contributed to the success of this publication. Any feedback and suggestion towards improving this publication in future is highly appreciated.

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

July 2026

KALENDAR AWALAN KELUARAN 2026
PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT
ADVANCE RELEASE CALENDAR YEAR 2026
WHOLESALE & RETAIL TRADE

Bulan rujukan <i>Reference month</i>	Tarikh <i>Date</i>
November 2025 <i>November 2025</i>	9 Januari 2026 <i>9 January 2026</i>
Disember 2025 <i>December 2025</i>	10 Februari 2026 <i>10 February 2026</i>
Januari 2026 <i>January 2026</i>	12 Mac 2026 <i>12 March 2026</i>
Februari 2026 <i>February 2026</i>	10 April 2026 <i>10 April 2026</i>
Mac 2026 <i>March 2026</i>	11 Mei 2026 <i>11 May 2026</i>
April 2026 <i>April 2026</i>	12 Jun 2026 <i>12 June 2026</i>
Mei 2026 <i>May 2026</i>	10 Julai 2026 <i>10 July 2026</i>
Jun 2026 <i>June 2026</i>	12 Ogos 2026 <i>12 August 2026</i>
Julai 2026 <i>July 2026</i>	11 September 2026 <i>11 September 2026</i>
Ogos 2026 <i>August 2026</i>	9 Oktober 2026 <i>9 October 2026</i>
September 2026 <i>September 2026</i>	13 November 2026 <i>13 November 2026</i>
Oktober 2026 <i>October 2026</i>	11 Disember 2026 <i>11 December 2026</i>

Nota.

Notes.

Merujuk kepada tarikh data disebarkan kepada media atau dalam penerbitan khusus.

Refers to the date of release of the data's dissemination to the media or in the specific publication.

Tarikh siaran tertakluk kepada pindaan.

Release dates are subject to change.

SINGKATAN ABBREVIATIONS

b	Bilion
j	Juta
p	Permulaan
MoM	Bulan ke Bulan
r	Pindaan
RM	Ringgit Malaysia
t.t.t.l	Tidak terkelas di tempat lain
YoY	Tahun ke Tahun
n.a	Tiada
SA	Pelarasan Musim

<i>b</i>	<i>Billion</i>
<i>m</i>	<i>Million</i>
<i>p</i>	<i>Preliminary</i>
<i>MoM</i>	<i>Month-on-Month</i>
<i>r</i>	<i>Revision</i>
<i>n.e.c</i>	<i>Not elsewhere classified</i>
<i>YoY</i>	<i>Year-on-Year</i>
<i>n.a</i>	<i>Not available</i>
<i>SA</i>	<i>Seasonal Adjusted</i>

Simbol Symbols

&	dan/ <i>and</i>
/	atau/ <i>or</i>
%	Peratus/ <i>percentage</i>

Nota.

Note.

Penjumlahan komponen mungkin berbeza dengan angka jumlah kecil atau jumlah besar disebabkan pembundaran.

The sum of the component figures may not conform with the sub-total or total figures due to rounding.

KANDUNGAN

CONTENTS

	Muka surat Page
Kata pengantar <i>Preface</i>	i
Kalendar Awalan Keluaran <i>Advance Release Calendar</i>	iii
Singkatan <i>Abbreviations</i>	iv
Sepintas Lalu <i>Snapshots</i>	1
Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	5
Jadual <i>Tables</i>	
1. Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit Mengikut Subsektor <i>Sales Value of Wholesales & Retail Trade by Sub-sector</i>	23
2. Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit Tidak Diselaraskan Musim mengikut Subsektor (2015=100) <i>Non-Seasonally Adjusted Volume Index of Wholesale & Retail Trade by Sub-sector (2015=100)</i>	24
3. Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit Pelarasan Musim Mengikut Subsektor (2015=100) <i>Seasonally Adjusted Volume Index of Wholesale & Retail Trade by Sub-sector (2015=100)</i>	25
4. Nilai Jualan Perdagangan Borong mengikut Kumpulan <i>Sales Value of Wholesale Trade by Group</i>	26
5. Indeks Volum Perdagangan Borong Tidak Diselaraskan Musim Mengikut Kumpulan (2015=100) <i>Non-Seasonally Adjusted Volume Index of Wholesale Trade by Group (2015=100)</i>	28
6. Nilai Jualan Perdagangan Runcit mengikut Kumpulan <i>Sales Value of Retail Trade by Group</i>	30
7. Indeks Volum Perdagangan Runcit Tidak Diselaraskan Musim Mengikut Kumpulan (2015=100) <i>Non-Seasonally Adjusted Volume Index of Retail Trade by Group (2015=100)</i>	32
8. Nilai Jualan Kenderaan Bermotor mengikut Kumpulan <i>Sales Value of Motor Vehicles by Group</i>	34
9. Indeks Volum Kenderaan Bermotor Tidak Diselaraskan Musim mengikut Kumpulan (2015=100) <i>Non-Seasonally Adjusted Volume Index of Motor Vehicles by Group (2015=100)</i>	35
10. Indikator Ekonomi, Malaysia <i>Economic Indicators, Malaysia</i>	36

KANDUNGAN

CONTENTS

	Muka surat <i>Page</i>
11. Indeks Perdagangan Runcit bagi Negara Terpilih <i>Retail Trade Index for Selected Countries</i>	37
Indikator Tambahan <i>Additional Indicators</i>	41
Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	45
Lampiran <i>Appendix</i>	59
Glosari <i>Glossary</i>	75

SEPINTAS LALU *SNAPSHOTS*

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT

MEI 2026

Nilai Jualan


Perdagangan Borong & Runcit

RM171.3 bilion

Pertumbuhan Peratus
Tahun ke Tahun

11.0%

Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit (RM bilion)



NILAI JUALAN

PERDAGANGAN BORONG
(RM BILION)



Mei 2026 80.8
18.4%

Mei 2025 68.2
4.7%

PERDAGANGAN RUNCIT
(RM BILION)



Mei 2026 71.9
7.2%

Mei 2025 67.1
4.9%

KENDERAAN BERMOTOR
(RM BILION)



Mei 2026 18.6
-2.3%

Mei 2025 19.1
1.5%

(% pertumbuhan Tahun ke Tahun)

INDEKS VOLUM

Perdagangan Borong & Runcit

163.4
168.5 3.1%

Perdagangan Borong

150.4
155.3 3.2%

Perdagangan Runcit

186.0
194.2 4.4%

Kenderaan Bermotor

140.6
135.5 -3.7%

Mei 2026

Mei 2025

Indeks Volum Pelarasan Musim
Mei 2026:

-1.3%
Bulan ke Bulan

KUMPULAN UTAMA (NILAI JUALAN)

Perdagangan Borong



Lain-Lain
Pengkhususan
Jualan Borong
(termasuk petrol & bahan binaan)

42.6%



Jualan Borong
Barangan Isi
Rumah

3.5%



Jualan Borong
Makanan, Minuman
& Tembakau

5.0%

Perdagangan Runcit



Jualan Runcit di
Kedai Bukan
Pengkhususan

8.2%



Jualan Runcit
Barangan Lain di
Kedai Pengkhususan

6.7%



Jualan Runcit di
Lain-lain Peralatan Isi
Rumah di Kedai
Pengkhususan

3.4%

Kenderaan Bermotor



Jualan Kenderaan
Bermotor

-11.4%



Jualan Komponen
& Aksesori
Kenderaan
Bermotor

7.8%



Penyelenggaraan &
Pembaikan
Kenderaan
Bermotor

6.8%



@StatsMalaysia

BANI 26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA
MADANI
kemampanan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
KUMPAT PERTALIAN
DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE

MAY 2026

Sales Value


Wholesale & Retail Trade

RM171.3 billion

Percentage Growth
Year-on-Year

11.0%

Sales Value of Wholesale & Retail Trade
(RM billion)



SALES VALUE

WHOLESALE TRADE
(RM BILLION)



May 2026 **80.8**
18.4%

May 2025 **68.2**
4.7%

RETAIL TRADE
(RM BILLION)



May 2026 **71.9**
7.2%

May 2025 **67.1**
4.9%

MOTOR VEHICLES
(RM BILLION)



May 2026 **18.6**
-2.3%

May 2025 **19.1**
1.5%

(% is Year-on-Year growth)

VOLUME INDEX

Wholesale & Retail Trade

163.4
168.5 **3.1%**

Wholesale Trade

150.4
155.3 **3.2%**

Retail Trade

186.0
194.2 **4.4%**

Motor Vehicles

140.6
135.5 **-3.7%**

May 2026

May 2025

Seasonally Adjusted Volume Index
May 2026:

-1.3%
Month-on-Month

MAIN GROUPS (SALES)

Wholesale Trade



Other Specialised
Wholesale
(includes petroleum &
construction materials)

42.6%



Wholesale of
Household
Goods

3.5%



Wholesale of
Food, Beverages
& Tobacco

5.0%

Retail Trade



Retail Sale in
Non-specialised
Stores

8.2%



Retail Sale of Other
Goods in
Specialised Stores

6.7%



Retail Sales of Other
Household
Equipment in
Specialised Stores

3.4%

Motor Vehicles



Sale of Motor
Vehicles

-11.4%



Sale of Motor
Vehicles Parts &
Accessories

7.8%



Maintenance &
Repair of Motor
Vehicles

6.8%



@StatsMalaysia

BANI 26
BANCI EKONOMI 2026
DATA NADI EKONOMI RAKYAT

MALAYSIA
MADANI
kemampanan

ODIN
OPEN DATA INVENTORY
MALAYSIA
NUMBER ONE
IN THE WORLD

20 October

2016 - 2030

RINGKASAN PENEMUAN
SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

PENGENALAN

Perdagangan borong & runcit (DT) menyumbang **38.5 peratus** kepada nilai ditambah sektor Perkhidmatan. DT terdiri daripada tiga subsektor, iaitu Perdagangan borong yang mencatatkan sumbangan nilai jualan terbesar sebanyak **46.5 peratus**, diikuti oleh Perdagangan runcit (**41.4%**) dan Kenderaan bermotor (**12.1%**) seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit, Mei 2026

Subsektor	Sumbangan Nilai Jualan	Nilai Jualan			Indeks Volum (2015=100)		
	(%)	(RM billion)	YoY (%)	MoM (%)	Indeks (mata)	YoY (%)	MoM (%)
Perdagangan borong	46.5	80.8	18.4	-3.3	155.3	3.2	-2.1
Perdagangan runcit	41.4	71.9	7.2	1.3	194.2	4.4	1.0
Kenderaan bermotor	12.1	18.6	-2.3	-8.5	135.5	-3.7	-8.4
Jumlah	100.0	171.3	11.0	-2.0	168.5	3.1	-1.3

Subsektor Perdagangan borong terdiri daripada tujuh kumpulan. Sumbangan terbesar kepada nilai jualan direkodkan oleh Lain-lain pengkhususan jualan borong dengan **42.5 peratus**, diikuti oleh Jualan borong barangan isi rumah (**18.9%**) dan Jualan borong makanan, minuman dan tembakau (**16.5%**). Seterusnya, Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan menyumbang **9.5 peratus**, manakala Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup mencatatkan **6.6 peratus**. Perdagangan jualan borong bukan pengkhususan dan Jualan borong berdasarkan yuran atau kontrak masing-masing menyumbang **5.0 peratus** dan **1.0 peratus** daripada keseluruhan nilai jualan subsektor ini.

Subsektor Perdagangan runcit merangkumi sembilan kumpulan. Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan merupakan penyumbang terbesar kepada nilai jualan, iaitu sebanyak **32.2 peratus**, diikuti oleh Jualan runcit barangan lain di kedai pengkhususan (**27.3%**) dan Jualan runcit lain-lain peralatan isi rumah di kedai pengkhususan (**14.7%**). Selain itu, Jualan runcit kelengkapan informasi dan komunikasi di kedai pengkhususan menyumbang **8.3 peratus**, manakala Jualan runcit bahan api kenderaan di kedai pengkhususan mencatatkan **6.9 peratus**. Ini diikuti oleh Jualan runcit barangan kesenian dan rekreasi di kedai pengkhususan (**4.6%**), Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di kedai pengkhususan (**4.2%**), Perdagangan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar (**1.7%**) serta Jualan runcit melalui gerai dan pasar (**0.2%**).

Jualan kenderaan bermotor merupakan penyumbang terbesar kepada subsektor Kenderaan bermotor dengan **60.3 peratus** daripada nilai jualan keseluruhan subsektor, diikuti oleh Jualan komponen dan aksesori kenderaan bermotor (**19.6%**). Sementara itu, Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor menyumbang **12.8 peratus**, manakala Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen dan aksesori berkaitan merekodkan sumbangan sebanyak **7.3 peratus**.

* Peratus sumbangan nilai jualan merujuk kepada sumbangan nilai jualan berdasarkan data Banci Ekonomi 2023.


PRESTASI KESELURUHAN

1

Jualan Perdagangan Borong & Runcit

Nilai jualan Perdagangan borong & runcit merekodkan **RM171.3 bilion** pada bulan Mei 2026, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak **11.0 peratus (Carta 1)**. Pertumbuhan positif ini disumbangkan oleh Perdagangan borong **18.4 peratus** dan Perdagangan runcit **7.2 peratus**. Sementara itu, bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan menurun **-2.0 peratus**.

Carta 1: Nilai Jualan dan Kadar Pertumbuhan Perdagangan Borong & Runcit




2

Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

Bagi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan pertumbuhan **3.1 peratus** tahun ke tahun untuk mencapai **168.5 mata (Carta 2)**. Peningkatan ini didorong oleh Perdagangan runcit **4.4 peratus** dan Perdagangan borong **3.2 peratus**.

Bagi perbandingan bulanan, indeks volum menurun sebanyak **-1.3 peratus** disebabkan oleh Kenderaan bermotor **-8.4 peratus** dan Perdagangan borong **-2.1 peratus**.

Carta 2: Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit




PERDAGANGAN BORONG

3 Jualan Perdagangan Borong


Perdagangan borong menjana jualan sebanyak **RM80.8 bilion** pada Mei 2026 dengan pertumbuhan **18.4 peratus** berbanding bulan Mei 2025. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam Lain-lain pengkhususan jualan borong yang meningkat sebanyak **42.6 peratus (Carta 3)**.

Bagi perbandingan bulanan, jualan subsektor ini menurun sebanyak **-3.3 peratus**. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh Lain-lain pengkhususan jualan borong **-6.3 peratus** dan Jualan borong berdasarkan yuran atau kontrak **-4.9 peratus (Carta 4)**.

Carta 3: Kadar Pertumbuhan Tahunan bagi Nilai Jualan Perdagangan Borong mengikut Kumpulan, Mei 2026



Carta 4: Kadar Pertumbuhan Bulanan bagi Nilai Jualan Perdagangan Borong mengikut Kumpulan, Mei 2026




4 Indeks Volum Perdagangan Borong


Indeks volum Perdagangan borong mencatatkan **155.3 mata**, bertumbuh **3.2 peratus** tahun ke tahun. Pertumbuhan positif ini didorong terutamanya oleh Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup (**7.9%**), Jualan borong berdasarkan yuran atau kontrak (**4.3%**), Perdagangan jualan borong bukan pengkhususan (**3.5%**) dan Jualan borong makanan, minuman dan tembakau (**3.4%**) seperti di **Carta 5**.

Dari segi bulanan, indeks volum Perdagangan borong menurun sebanyak **-2.1 peratus**, disebabkan oleh penurunan dalam Lain-lain pengkhususan jualan borong (**-4.5%**), Jualan borong berdasarkan yuran atau kontrak (**-3.8%**), Jualan borong jentera, kelengkapan dan bekalan (**-2.6%**) dan Jualan borong bahan mentah pertanian dan haiwan hidup (**-2.4%**) seperti yang ditunjukkan di **Carta 6**.

Carta 5: Kadar Pertumbuhan Tahunan bagi Indeks Volum Perdagangan Borong mengikut Kumpulan, Mei 2026



Carta 6: Kadar Pertumbuhan Bulanan bagi Indeks Volum Perdagangan Borong mengikut Kumpulan, Mei 2026




PERDAGANGAN RUNCIT

5 Jualan Perdagangan Runcit


Jualan Perdagangan runcit merekodkan pertumbuhan **7.2 peratus** berbanding Mei 2025. Prestasi positif ini disokong terutamanya oleh Jualan runcit bahan api kenderaan di kedai pengkhususan (**12.8%**), Perdagangan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar (**9.8%**), Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (**8.2%**), Jualan runcit melalui gerai dan pasar (**8.1%**) dan Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di kedai pengkhususan (**7.2%**) seperti di **Carta 7**.

Berbanding April 2026, jualan subsektor ini meningkat sebanyak **1.3 peratus**. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan dalam Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (**2.7%**), Jualan runcit lain-lain peralatan isi rumah di kedai pengkhususan (**2.1%**) dan Jualan runcit barangan kesenian dan rekreasi di kedai pengkhususan (**2.0%**) seperti yang ditunjukkan di **Carta 8**.

Carta 7: Kadar Pertumbuhan Tahunan bagi Nilai Jualan Perdagangan Runcit mengikut Kumpulan, Mei 2026



Carta 8: Kadar Pertumbuhan Bulanan bagi Nilai Jualan Perdagangan Runcit mengikut Kumpulan, Mei 2026




6 Indeks Volum Perdagangan Runcit


Indeks volum Perdagangan runcit bertumbuh **4.4 peratus** kepada **194.2 mata** berbanding Mei 2025. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh Perdagangan runcit bukan di kedai, gerai atau pasar (**8.1%**), Jualan runcit melalui gerai dan pasar (**7.3%**), Jualan runcit bahan api kenderaan di kedai pengkhususan (**7.1%**), Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (**6.6%**) dan Jualan runcit makanan, minuman dan tembakau di kedai pengkhususan (**6.3%**) seperti yang dipaparkan di **Carta 9**.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, indeks volum Perdagangan runcit meningkat sebanyak **1.0 peratus**. Peningkatan ini dipengaruhi terutamanya oleh kenaikan dalam Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan (**2.6%**), Jualan runcit bahan api kenderaan di kedai pengkhususan (**2.2%**), Jualan runcit lain-lain peralatan isi rumah di kedai pengkhususan (**2.1%**) dan Jualan runcit barangan kesenian dan rekreasi di kedai pengkhususan (**2.1%**) seperti yang ditunjukkan di **Carta 10**.

Carta 9: Kadar Pertumbuhan Tahunan bagi Indeks Volum Perdagangan Runcit mengikut Kumpulan, Mei 2026



Carta 10: Kadar Pertumbuhan Bulanan bagi Indeks Volum Perdagangan Runcit mengikut Kumpulan, Mei 2026



KENDERAAN BERMOTOR


7

Jualan Kenderaan Bermotor


Subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan penurunan jualan sebanyak **-2.3 peratus** tahun ke tahun. Penurunan ini disumbangkan terutamanya oleh Jualan kenderaan bermotor **-11.4 peratus** pada Mei 2026 (**Carta 11**).

Dari segi bulanan, nilai jualan subsektor ini merekodkan pertumbuhan negatif **-8.5 peratus** disebabkan oleh penurunan pada Jualan kenderaan bermotor **-14.4 peratus** dan Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen dan aksesori berkaitan **-12.0 peratus** (**Carta 12**).

Carta 11: Kadar Pertumbuhan Tahunan bagi Nilai Jualan Kenderaan Bermotor mengikut Kumpulan, Mei 2026



Carta 12: Kadar Pertumbuhan Bulanan bagi Nilai Jualan Kenderaan Bermotor mengikut Kumpulan, Mei 2026




8

Indeks Volum Kenderaan Bermotor


Indeks volum subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan **135.5 mata** merekodkan penyusutan **-3.7 peratus** tahun ke tahun. Kejatuhan ini disebabkan terutamanya oleh Jualan kenderaan bermotor **-11.5 peratus** seperti yang dipaparkan di **Carta 13**.

Bagi perbandingan bulan ke bulan, indeks volum subsektor Kenderaan bermotor menurun sebanyak **-8.4 peratus** berbanding April 2026. Kejatuhan ini disebabkan terutamanya oleh Jualan kenderaan bermotor **-13.8 peratus** dan Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal dan komponen dan aksesori berkaitan **-12.3 peratus** seperti yang ditunjukkan di **Carta 14**.

Carta 13: Kadar Pertumbuhan Tahunan bagi Indeks Volum Kenderaan Bermotor mengikut Kumpulan, Mei 2026



Carta 14: Kadar Pertumbuhan Bulanan bagi Indeks Volum Kenderaan Bermotor mengikut Kumpulan, Mei 2026



INTRODUCTION

Wholesale & retail trade (DT) contributed **38.5 per cent** to the value added of the Services sector. DT comprises three subsectors, namely Wholesale trade, which accounted for the largest share of sales value at **46.5 percent**, followed by Retail trade (**41.4%**), and Motor vehicles (**12.1%**), as shown in *Table 1*.

Table 1: Sales Value and Volume Index of Wholesale & Retail Trade, May 2026

Sub-sector	Share of Sales Value*	Sales Value			Volume Index (2015=100)		
	(%)	(RM billion)	YoY (%)	MoM (%)	Index (points)	YoY (%)	MoM (%)
Wholesale trade	46.5	80.8	18.4	-3.3	155.3	3.2	-2.1
Retail trade	41.4	71.9	7.2	1.3	194.2	4.4	1.0
Motor vehicles	12.1	18.6	-2.3	-8.5	135.5	-3.7	-8.4
Total	100.0	171.3	11.0	-2.0	168.5	3.1	-1.3

The Wholesale trade sub-sector comprises seven groups. The largest share of sales value was contributed by Other specialised wholesale, with **42.5 per cent**, followed by Wholesale of household goods (**18.9%**) and Wholesale of food, beverages and tobacco (**16.5%**). Subsequently, Wholesale of machinery, equipment and supplies contributed **9.5 per cent**, while Wholesale of agricultural raw materials and live animals accounted for **6.6 per cent**. Non-specialised wholesale trade and Wholesale on a fee or contract basis contributed **5.0 per cent** and **1.0 per cent**, respectively, of the total sales of this sub-sector.

The Retail trade sub-sector consists of nine groups. Retail sale in non-specialised stores was the largest contributor, accounting for **32.2 per cent** of sales value, followed by Retail sale of other goods in specialised stores (**27.3%**) and Retail sale of other household equipment in specialised stores (**14.7%**). In addition, Retail sale of information and communications equipment in specialised stores contributed **8.3 per cent**, while Retail sale of automotive fuel in specialised stores accounted for **6.9 per cent**. This was followed by Retail sale of cultural and recreation goods in specialised stores (**4.6%**), Retail sale of food, beverages and tobacco in specialised stores (**4.2%**), Retail trade not in stores, stalls or markets (**1.7%**), and Retail sale via stalls and markets (**0.2%**).

Sale of motor vehicles was the largest contributor to the Motor vehicles sub-sector, accounting for **60.3 per cent** of the sub-sector's total sales value, followed by Sale of motor vehicle parts and accessories (**19.6%**). Meanwhile, Maintenance and repair of motor vehicles contributed **12.8 per cent**, while Sale, maintenance and repair of motorcycles and related parts and accessories recorded a share of **7.3 per cent**.


* The percentage share of sales value refers to the share of sales value based on the Economic Census 2023 data.

OVERALL PERFORMANCE

1 Sales of Wholesale & Retail Trade

Wholesale & retail trade sales value recorded **RM171.3 billion** in May 2026, registering a year-on-year growth of **11.0 per cent** (Chart 1). This positive growth was contributed by Wholesale trade **18.4 per cent** and Retail trade **7.2 per cent**. Meanwhile, on a month-on-month basis, sales value decreased by **-2.0 per cent**.

Chart 1: Sales Value and Growth Rate of Wholesale & Retail Trade




2 Volume Index for Wholesale & Retail Trade

In terms of volume index, Wholesale & retail trade registered a year-on-year growth of **3.1 per cent** to reach **168.5 points** (Chart 2). The increase was driven by Retail trade **4.4 per cent** and Wholesale trade **3.2 per cent**.

For monthly comparison, volume index decreased by **-1.3 per cent**, contributed by Motor vehicles **-8.4 per cent** and Wholesale trade **-2.1 per cent**.

Chart 2: Volume Index of Wholesale & Retail Trade



WHOLESALE TRADE

3 Sales of Wholesale Trade

Wholesale trade generated sales of **RM80.8 billion** in May 2026, with a growth of **18.4 per cent** compared to May 2025. This increase was primarily attributed to the growth in Other specialised wholesale, which rose by **42.6 per cent** (Chart 3).

For the monthly comparison, sales in this sub-sector decreased by **-3.3 per cent**. The decrease was mainly supported by Other specialised wholesale **-6.3 per cent** and Wholesale on a fee or contract basis **-4.9 per cent** (Chart 4).

Chart 3: Annual Growth Rate for Sales Value of Wholesale Trade by Group, May 2026



Chart 4: Monthly Growth Rate for Sales Value of Wholesale Trade by Group, May 2026



4 Volume Index of Wholesale Trade

The volume index of Wholesale trade registered **155.3 points**, grew **3.2 per cent** year-on-year. The positive growth was mainly driven by Wholesale of agricultural raw materials and live animals (7.9%), Wholesale on a fee or contract basis (4.3%), Non-specialised wholesale trade (3.5%), and Wholesale of food, beverages and tobacco (3.4%), as illustrated in **Chart 5**.

On a monthly basis, the volume index of Wholesale trade decreased by **-2.1 per cent**, due to a decrease in Other specialised wholesale (-4.5%), Wholesale on a fee or contract basis (-3.8%), Wholesale of machinery, equipment and supplies (-2.6%), and Wholesale of agricultural raw materials and live animals (-2.4%), as shown in **Chart 6**.

Chart 5: Annual Growth Rate for Volume Index of Wholesale Trade by Group, May 2026





Chart 6: Monthly Growth Rate for Volume Index of Wholesale Trade by Group, May 2026



RETAIL TRADE

5 Sales of Retail Trade

Retail trade sales recorded a growth of **7.2 per cent** compared to May 2025. The positive performance was primarily supported by Retail sale of automotive fuel in specialised stores (**12.8%**), Retail trade not in stores, stalls or markets (**9.8%**), Retail sale in non-specialised stores (**8.2%**), Retail sale via stalls and markets (**8.1%**), and Retail sale of food, beverages and tobacco in specialised stores (**7.2%**), as illustrated in **Chart 7**.

Compared to April 2026, sales in this sub-sector increased by **1.3 per cent**. The increased was supported by growth in Retail sale in non-specialised stores (**2.7%**), Retail sale of other household equipment in specialised stores (**2.1%**), and Retail sale of cultural and recreation goods in specialised stores (**2.0%**), as shown in **Chart 8**.

Chart 7: Annual Growth Rate for Sales Value of Retail Trade by Group, May 2026




Chart 8: Monthly Growth Rate for Sales Value of Retail Trade by Group, May 2026



6

Volume Index of Retail Trade

The volume index of Retail trade grew by **4.4 per cent** to **194.2 points** compared to May 2025. The growth was mainly driven by Retail trade not in stores, stalls or markets (**8.1%**), Retail sale via stalls and markets (**7.3%**), Retail sale of automotive fuel in specialised stores (**7.1%**), Retail sale in non-specialised stores (**6.6%**), and Retail sale of food, beverages and tobacco in specialised stores (**6.3%**), as presented in **Chart 9**.

For the month-on-month comparison, the volume index of Retail trade increased by **1.0 per cent**. The increase was primarily attributed to expansion in Retail sale in non-specialised stores (**2.6%**), Retail sale of automotive fuel in specialised stores (**2.2%**), Retail sale of other household equipment in specialised stores (**2.1%**), and Retail sale of cultural and recreation goods in specialised stores (**2.1%**), as shown in **Chart 10**.

Chart 9: Annual Growth Rate for Volume Index of Retail Trade by Group, May 2026



Chart 10: Monthly Growth Rate for Volume Index of Retail Trade by Group, May 2026



MOTOR VEHICLES

7 Sales of Motor Vehicles

The Motor vehicles sub-sector posted a **-2.3 per cent** year-on-year growth in sales. The growth was primarily attributed to Sale of motor vehicles **-11.4 per cent** in May 2026 (**Chart 11**).

On a monthly basis, the sales value of this sub-sector recorded a negative growth of **-8.5 per cent**, contributed by the decrease in Sale of motor vehicles **-14.4 per cent** and Sale, maintenance and repair of motorcycles and related parts and accessories **-12.0 per cent** (**Chart 12**).

Chart 11: Annual Growth Rate for Sales Value of Motor Vehicles by Group, May 2026





Chart 12: Monthly Growth Rate for Sales Value of Motor Vehicles by Group, May 2026



8

Volume Index of Motor Vehicles

The volume index of the Motor vehicles sub-sector stood at **135.5** points, recording a year-on-year decrease of **-3.7 per cent**. The decrease was primarily attributed to Sale of motor vehicles **-11.5 per cent**, as illustrated in **Chart 13**.

On a month-on-month basis, the volume index of Motor vehicles sub-sector decreased by **-8.4 per cent** compared to April 2026. The decrease was primarily supported by Sale of motor vehicle **-13.8 per cent**, and Sale, maintenance and repair of motorcycles and related parts and accessories **-12.3 per cent**, as shown in **Chart 14**.

Chart 13: Annual Growth Rate for Volume Index of Motor Vehicles by Group, May 2026





Chart 14: Monthly Growth Rate for Volume Index of Motor Vehicles by Group, May 2026



SENARAI JADUAL STATISTIK
LIST OF STATISTICAL TABLES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.
This page is deliberately left blank.

Tahun / Bulan Year / Month		Jumlah Total	Perdagangan Borong Wholesale Trade	Perdagangan Runcit Retail Trade	Kenderaan Bermotor Motor Vehicles
Jualan / Sales (RM Juta / million)					
2020		1,249,415	603,311	511,008	135,096
2021		1,299,424	641,755	533,564	124,105
2022		1,554,518	710,293	661,053	183,173
2023		1,673,607	747,150	720,751	205,706
2024		1,766,036	782,078	764,900	219,058
2025		1,865,012	827,369	811,513	226,130
2025	Jan.	148,910	66,783	66,118	16,009
	Feb.	148,496	65,799	65,070	17,626
	Mac	153,982	67,755	66,984	19,243
	Apr.	151,706	67,321	66,759	17,626
	Mei	154,341	68,204	67,068	19,069
	Jun	152,969	68,295	67,542	17,133
	Jul.	156,430	70,130	67,013	19,286
	Ogos	156,588	69,642	67,327	19,618
	Sep.	158,011	71,054	68,916	18,041
	Okt.	160,910	71,173	69,325	20,412
	Nov.	158,950	70,144	69,015	19,790
	Dis.	163,719	71,067	70,375	22,277
2026	Jan.	159,770	70,808	70,182	18,780
	Feb.	156,294	69,528	70,070	16,696
	Mac	169,017	78,367	72,009	18,640
	Apr. ^r	174,850	83,534	70,951	20,364
	Mei. ^p	171,283	80,755	71,896	18,632
% Perubahan / % Changes (YoY)					
2020		-5.8	-5.5	-4.9	-10.3
2021		4.0	6.4	4.4	-8.1
2022		19.6	10.7	23.9	47.6
2023		7.7	5.2	9.0	12.3
2024		5.6	5.8	6.1	3.2
2025	Jan.	4.6	4.9	8.2	-9.1
	Feb.	5.2	5.8	5.7	1.5
	Mac	5.7	5.7	6.6	2.3
	Apr.	4.7	5.5	4.7	2.1
	Mei	4.4	4.7	4.9	1.5
	Jun	4.8	5.2	5.4	0.7
	Jul.	5.0	5.4	5.6	1.6
	Ogos	4.9	5.1	5.0	4.0
	Sep.	6.6	6.9	7.0	4.3
	Okt.	7.2	7.3	6.8	8.2
	Nov.	6.4	6.0	6.4	8.0
	Dis.	7.6	6.9	6.9	12.2
2026	Jan.	7.3	6.0	6.1	17.3
	Feb.	5.3	5.7	7.7	-5.3
	Mac	9.8	15.7	7.5	-3.1
	Apr. ^r	15.3	24.1	6.3	15.5
	Mei. ^p	11.0	18.4	7.2	-2.3
% Perubahan / % Changes (MoM)					
2025	Jan.	-2.1	0.4	0.5	-19.4
	Feb.	-0.3	-1.5	-1.6	10.1
	Mac	3.7	3.0	2.9	9.2
	Apr.	-1.5	-0.6	-0.3	-8.4
	Mei	1.7	1.3	0.5	8.2
	Jun	-0.9	0.1	0.7	-10.2
	Jul.	2.3	2.7	-0.8	12.6
	Ogos	0.1	-0.7	0.5	1.7
	Sep.	0.9	2.0	2.4	-8.0
	Okt.	1.8	0.2	0.6	13.1
	Nov.	-1.2	-1.4	-0.4	-3.0
	Dis.	3.0	1.3	2.0	12.6
2026	Jan.	-2.4	-0.4	-0.3	-15.7
	Feb.	-2.2	-1.8	-0.2	-11.1
	Mac	8.1	12.7	2.8	11.6
	Apr. ^r	3.5	6.6	-1.5	9.2
	Mei. ^p	-2.0	-3.3	1.3	-8.5

Tahun / Bulan Year / Month		Jumlah Total	Perdagangan Borong Wholesale Trade	Perdagangan Runcit Retail Trade	Kenderaan Bermotor Motor Vehicles
Wajaran / Weight		100.0	40.5	41.0	18.4
2020		121.6	121.8	131.0	94.0
2021		124.3	126.5	135.6	85.2
2022		142.1	131.1	161.6	118.6
2023		150.1	137.2	171.6	129.2
2024		156.6	142.9	179.2	135.5
2025		164.1	151.6	187.2	138.1
2025	Jan.	158.1	146.1	184.9	117.1
	Feb.	157.3	144.0	181.5	129.2
	Mac	162.8	148.3	186.4	141.5
	Apr.	160.6	147.8	185.2	130.2
	Mei	163.4	150.4	186.0	140.6
	Jun	162.4	151.0	187.2	126.2
	Jul.	165.4	154.6	185.8	142.4
	Ogos	165.5	153.7	186.3	144.3
	Sep.	166.5	156.5	189.7	131.9
	Okt.	169.1	156.7	190.4	148.9
	Nov.	167.0	154.2	189.7	143.7
	Dis.	171.3	155.5	192.9	161.7
2026	Jan.	167.3	155.1	191.7	135.8
	Feb.	164.2	152.9	191.2	120.8
	Mac	170.0	157.0	196.2	135.2
	Apr. ^r	170.7	158.6	192.4	147.9
	Mei. ^p	168.5	155.3	194.2	135.5
% Perubahan / % Changes (YoY)					
2020		-6.1	-5.2	-6.1	-10.1
2021		2.3	3.8	3.5	-9.4
2022		14.3	3.6	19.2	39.2
2023		5.6	4.7	6.2	9.0
2024		4.3	4.1	4.4	4.9
2025		4.8	6.1	4.5	1.9
2025	Jan.	3.8	4.5	6.6	-11.1
	Feb.	4.0	5.4	4.0	-0.8
	Mac	5.0	6.3	4.9	0.9
	Apr.	4.3	6.6	3.4	0.8
	Mei	4.2	6.0	3.7	0.4
	Jun	4.4	6.1	4.1	-0.6
	Jul.	4.6	5.9	4.4	0.9
	Ogos	4.3	5.5	3.7	3.1
	Sep.	5.4	6.6	4.8	3.3
	Okt.	5.7	6.7	4.6	7.2
	Nov.	5.3	6.0	4.4	6.8
	Dis.	6.4	7.0	4.9	11.0
2026	Jan.	5.8	6.1	3.7	15.9
	Feb.	4.4	6.2	5.4	-6.5
	Mac	4.4	5.9	5.2	-4.5
	Apr. ^r	6.2	7.3	3.9	13.6
	Mei. ^p	3.1	3.2	4.4	-3.7
% Perubahan / % Changes (MoM)					
2025	Jan.	-1.8	0.5	0.6	-19.6
	Feb.	-0.5	-1.4	-1.9	10.3
	Mac	3.5	3.0	2.7	9.5
	Apr.	-1.3	-0.3	-0.6	-8.0
	Mei	1.7	1.8	0.4	8.1
	Jun	-0.7	0.4	0.7	-10.3
	Jul.	1.9	2.4	-0.7	12.9
	Ogos	0.0	-0.6	0.3	1.3
	Sep.	0.7	1.8	1.8	-8.6
	Okt.	1.5	0.1	0.4	12.9
	Nov.	-1.2	-1.6	-0.4	-3.5
	Dis.	2.6	0.9	1.7	12.5
2026	Jan.	-2.4	-0.3	-0.6	-16.1
	Feb.	-1.8	-1.4	-0.3	-11.0
	Mac	3.5	2.6	2.6	11.9
	Apr. ^r	0.4	1.0	-1.9	9.4
	Mei. ^p	-1.3	-2.1	1.0	-8.4

Tahun / Bulan Year / Month		Jumlah Total	Perdagangan Borong Wholesale Trade	Perdagangan Runcit Retail Trade	Kenderaan Bermotor Motor Vehicles
Wajaran / Weight		100.0	40.5	41.0	18.4
2025	Jan.	158.1	146.1	184.9	117.1
	Feb.	157.3	144.0	181.5	129.2
	Mac	162.8	148.3	186.4	141.5
	Apr.	160.6	147.8	185.2	130.2
	Mei	163.4	150.4	186.0	140.6
	Jun	162.4	151.0	187.2	126.2
	Jul.	165.4	154.6	185.8	142.4
	Ogos	165.5	153.7	186.3	144.3
	Sep.	166.5	156.5	189.7	131.9
	Okt.	169.1	156.7	190.4	148.9
	Nov.	167.0	154.2	189.7	143.7
	Dis.	171.3	155.5	192.9	161.7
2026	Jan.	167.3	155.1	191.7	135.8
	Feb.	164.2	152.9	191.2	120.8
	Mac	170.0	157.0	196.2	135.2
	Apr. ^r	170.7	158.6	192.4	147.9
	Mei ^p	168.5	155.3	194.2	135.5
% Perubahan / % Changes (MoM)					
2025	Jan.	-1.8	0.5	0.6	-19.6
	Feb.	-0.5	-1.4	-1.9	10.3
	Mac	3.5	3.0	2.7	9.5
	Apr.	-1.3	-0.3	-0.6	-8.0
	Mei	1.7	1.8	0.4	8.1
	Jun	-0.7	0.4	0.7	-10.3
	Jul.	1.9	2.4	-0.7	12.9
	Ogos	0.0	-0.6	0.3	1.3
	Sep.	0.7	1.8	1.8	-8.6
	Okt.	1.5	0.1	0.4	12.9
	Nov.	-1.2	-1.6	-0.4	-3.5
	Dis.	2.6	0.9	1.7	12.5
2026	Jan.	-2.4	-0.3	-0.6	-16.1
	Feb.	-1.8	-1.4	-0.3	-11.0
	Mac	3.5	2.6	2.6	11.9
	Apr. ^r	0.4	1.03	-1.9	9.4
	Mei ^p	-1.3	-2.1	1.0	-8.4

JADUAL TABLE		4	NILAI JUALAN PERDAGANGAN BORONG MENGIKUT KUMPULAN SALES VALUE OF WHOLESALE TRADE BY GROUP		
Tahun / Bulan		Jumlah	Jual Borong Berdasarkan Yuran atau Kontrak	Jual Borong Bahan Mentah Pertanian dan Haiwan Hidup	Jualan Borong Makanan, Minuman dan Tembakau
Year / Month		Total	Wholesale on a Fee or Contract Basis	Wholesale of Agricultural Raw Materials and Live Animals	Wholesale of Food, Beverages and Tobacco
Kod / Code		46	461	462	463
Jualan / Sales (RM Juta / million)					
2020		603,311	11,178	50,992	120,619
2021		641,755	10,586	54,148	127,832
2022		710,293	12,297	62,309	137,229
2023		747,150	13,159	67,216	147,046
2024		782,078	13,705	72,088	156,468
2025		827,369	14,436	76,805	167,369
2025	Jan.	66,783	1,152	5,960	13,864
	Feb.	65,799	1,178	5,888	13,310
	Mac	67,755	1,159	6,196	14,022
	Apr.	67,321	1,207	6,092	13,861
	Mei	68,204	1,182	6,245	14,050
	Jun	68,295	1,217	6,601	13,872
	Jul.	70,130	1,223	6,466	14,117
	Ogos	69,642	1,207	6,480	13,830
	Sep.	71,054	1,221	6,719	14,232
	Okt.	71,173	1,227	6,617	14,260
	Nov.	70,144	1,210	6,603	13,861
	Dis.	71,067	1,253	6,937	14,091
2026	Jan.	70,808	1,213	6,341	14,675
	Feb.	69,528	1,245	6,163	14,068
	Mac	78,367	1,209	6,551	14,773
	Apr. ^r	83,534	1,358	6,806	14,821
	Mei. ^p	80,755	1,292	6,702	14,753
% Perubahan / % Changes (YoY)					
2020		-5.5	-6.8	0.1	3.5
2021		6.4	-5.3	6.2	6.0
2022		10.7	16.2	15.1	7.4
2023		5.2	7.0	7.9	7.2
2024		4.7	4.1	7.2	6.4
2025		5.8	5.3	6.5	7.0
2025	Jan.	4.9	5.2	8.3	5.0
	Feb.	5.8	7.3	7.5	6.7
	Mac	5.7	5.7	9.0	7.7
	Apr.	5.5	6.0	5.2	7.5
	Mei	4.7	4.4	3.0	7.7
	Jun	5.2	5.2	12.2	6.7
	Jul.	5.4	5.5	4.7	6.6
	Ogos	5.1	4.9	5.2	5.4
	Sep.	6.9	5.8	9.3	7.2
	Okt.	7.3	5.9	7.5	9.2
	Nov.	6.0	4.1	3.0	6.7
	Dis.	6.9	4.2	4.6	7.1
2026	Jan.	6.0	5.3	6.4	5.8
	Feb.	5.7	5.7	4.7	5.7
	Mac	15.7	4.3	5.7	5.4
	Apr. ^r	24.1	12.5	11.7	6.9
	Mei. ^p	18.4	9.3	7.3	5.0
% Perubahan / % Changes (MoM)					
2025	Jan.	0.4	-4.2	-10.1	5.4
	Feb.	-1.5	2.2	-1.2	-4.0
	Mac	3.0	-1.5	5.2	5.4
	Apr.	-0.6	4.1	-1.7	-1.1
	Mei	1.3	-2.1	2.5	1.4
	Jun	0.1	2.9	5.7	-1.3
	Jul.	2.7	0.5	-2.0	1.8
	Ogos	-0.7	-1.2	0.2	-2.0
	Sep.	2.0	1.1	3.7	2.9
	Okt.	0.2	0.6	-1.5	0.2
	Nov.	-1.4	-1.4	-0.2	-2.8
	Dis.	1.3	3.6	5.1	1.7
2026	Jan.	-0.4	-3.2	-8.6	4.1
	Feb.	-1.8	2.6	-2.8	-4.1
	Mac	12.7	-2.8	6.3	5.0
	Apr. ^r	6.6	12.3	3.9	0.3
	Mei. ^p	-3.3	-4.9	-1.5	-0.5

Tahun / Bulan	Jualan Borong Barangan Isi Rumah	Jualan Borong Jentera, Kelengkapan dan Bekalan	Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong	Perdagangan Jualan Borong bukan Pengkhususan
Year / Month	Wholesale of Household Goods	Wholesale of Machinery, Equipment and Supplies	Other Specialised Wholesale	Non-specialised Wholesale Trade
Kod / Code	464	465	466	469
Jualan / Sales (RM Juta / million)				
2020	122,552	51,203	230,006	16,761
2021	123,437	53,242	254,103	18,408
2022	144,920	57,837	276,122	19,580
2023	155,081	59,171	284,519	20,957
2024	163,337	62,347	291,853	22,281
2025	174,739	67,036	303,106	23,877
